



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK DISENARAIKAN SEBAGAI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILULUSKAN MENERIMA DEPOSIT DARIPADA JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan sebagai makluman dan panduan kepada pihak berkaitan terutamanya institusi-institusi kewangan di Malaysia yang berhasrat untuk memohon disenaraikan sebagai institusi kewangan yang diluluskan menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan.

2. TAFSIRAN

- (i) Maksud “deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan” adalah merujuk kepada wang yang diterima dan disimpan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan (seperti pejabat bendahari, jabatan kewangan, atau agensi kerajaan lain) untuk tujuan pembangunan, pentadbiran, keselamatan kewangan, atau syarat tertentu. Contoh: **Peruntukan kewangan atau pinjaman daripada Kerajaan persekutuan.**
- (ii) “Institusi kewangan” merujuk kepada institusi-institusi kewangan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM) yang diluluskan di bawah Akta

Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (i) Institusi kewangan yang berhasrat memohon sebagai institusi kewangan yang diluluskan menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan hendaklah dilesenkan oleh BNM di bawah Akta 758, Akta 759 dan/atau Akta 618.
- (ii) Lain-lain institusi-institusi kewangan yang tidak dilesenkan di bawah Akta 758, Akta 759 dan Akta 618 akan dinilai berdasarkan maklum balas dan syor daripada BNM.

4. DOKUMEN/ MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN

Antara maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a) Laporan kewangan institusi kewangan berkenaan bagi tempoh tiga (tahun) berturut-turut;
- b) Maklumat jumlah bilangan dan peratusan kakitangan di peringkat pengurusan mengikut kategori bangsa/ warganegara dan bukan warganegara; dan
- c) Jumlah bilangan dan peratusan keseluruhan kakitangan dari segi peratusan mengikut bangsa/ warganegara dan bukan warganegara.

Maklumat-maklumat di atas perlu dilampirkan bersama surat permohonan daripada institusi kewangan yang berkaitan.

5. SENARAI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILULUSKAN MENERIMA DEPOSIT DARIPADA JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN

Senarai Institusi-Institusi Kewangan Yang Diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi Menerima Deposit Daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan yang telah dikemaskini setakat 12 Jun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN**.

6. ALAMAT SURAT MENYURAT

Semua permohonan lengkap boleh dikemukakan ke alamat seperti berikut:

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10, Blok Tengah
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p. : Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik)**

**SENARAI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILULUSKAN MENERIMA
DEPOSIT DARIPADA JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN**

A. BANK PERDAGANGAN

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank Berhad
4. Hong Leong Bank Berhad
5. Malayan Banking Berhad (Maybank)
6. Public Bank Berhad
7. RHB Bank Berhad
8. CIMB Bank Berhad

B. BANK ISLAM

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad
3. RHB Islamic Bank Berhad
4. Affin Islamic Bank Berhad
5. AmlIslamic Bank Berhad
6. CIMB Islamic Bank Berhad
7. Public Islamic Bank Berhad
8. Hong Leong Islamic Bank Berhad
9. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
10. Maybank Islamic Berhad
11. Alliance Islamic Bank Berhad
12. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
13. MBSB Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Asian Finance Bank)
14. HSBC Amanah Malaysia Berhad
15. OCBC Al-Amin Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

C. BANK PELABURAN

1. Alliance Investment Bank Berhad
2. AmInvestment Bank Berhad
3. Maybank Investment Bank Berhad
4. CIMB Investment Bank Berhad
5. RHB Investment Bank Berhad
6. Public Investment Bank Berhad
7. Kenanga Investment Bank Berhad
8. KAF Investment Bank Berhad
9. MIDF Amanah Investment Bank Berhad
10. Hong Leong Investment Bank Berhad
11. Affin Hwang Investment Bank Berhad

D. INSTITUSI KEWANGAN LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
2. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
3. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

LAMPIRAN

4. Bank Simpanan Nasional (BSN)
5. Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
6. Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
7. Sabah Development Bank Berhad
8. Amanah Raya Berhad (terhad kepada Deposit Amanah sahaja)
9. Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama)
10. MyAngkasa Amanah Berhad (terhad kepada Harta Amanah/ Harta Pusaka sahaja)
11. Development Bank of Sarawak (DBOS)

E. BANK ISLAM ANTARABANGSA

1. PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, TBK

Kemas kini pada 12 Jun 2025